

# HENTIKAN BERCABANG' SIKAP 'LIDAH

**K**UALA LUMPUR  
27 April — Dato'  
Sri Dr. Mahathir Mo-  
hammad menuntut ne-  
gara-negara maju  
berlaku adil dalam  
isu alam sekitar dan  
tidak menyekat  
pembangunan nega-  
ra-negara sedang  
membangun semata-  
mata untuk keselesa-  
an hidup mereka.

Serentak dengan itu Perda-  
na Menteri mengajak negara-  
negara sedang membangun  
mengambil pendirian bersama

mengenai alam sekitar untuk  
menghentikan tindak tanduk  
"lidah bercabang" negara-  
negara maju.

## Menentang

Sambil menyifatkan  
kempen seperti menentang  
penebangan hutan tropika se-  
bagai kes jelas memperguna-  
kan isu alam sekitar untuk  
kepentingan diri, beliau mene-  
gaskan, perbuatan itu bertent-  
angan sama sekali dengan  
prinsip kebebasan yang  
dilaung-laungkan oleh  
negara-negara maju sendiri.

Berucap merasmikan Persi-  
dangan Kedua Peringkat Men-  
teri Mengenai Alam Sekitar  
dan Pembangunan di sini beli-

au berkata: "Negara-negara  
Selatan (sedang membangun)  
telah lama menderita. Adalah  
salah kita dijadikan tempat  
pelepas dosa-dosa masa lalu  
yang dilakukan oleh Utara  
(negara maju)."

Dr. Mahathir hairan bagai-  
mana negara-negara maju  
yang banyak bercakap mence-  
nai kebebasan merasa berhak  
untuk menyekat negara-  
negara sedang membangun  
meneroka kekayaan sumber  
aslanya.

"Dalam berkempen terha-  
dap kayu tropika dan mem-  
boikotnya, mereka menafikan  
hak kita untuk memperolehi  
pendapatan, meraih sedikit  
sebanyak kekayaan yang kita

LIHAT MUKA 2

# — MAHATHIR

## HENTIKAN SIKAP 'LIDAH BERCABANG' — MAHATHIR 28 APR 1992

meraih sedikit sebanyak kekayaan yang kita ada dan membebaskan diri kita dari kebuluran, penyakit dan kemiskinan.

"Kebebasan adalah satu perkara yang banyak dilaung-laungkan oleh Utara. Bagaimana mereka dapat bercakap tentang kebebasan sedangkan mereka sendiri menyekat kebebasan kita," tegasnya.

Beliau berkata, Malaysia amat sedar tentang pentingnya hutan tropika dalam mengekalkan keseimbangan alam sekitar dan pada ketika yang sama sangat memerlukan pendapatan yang dihasilkan oleh hutannya.

"Sebaliknya apa yang dilakukan oleh Utara? Mereka melancarkan boikot terhadap kayu balak kita.

"Ia satu perkara mudah jika anda tidak mempedulikan beratus ribu orang yang kehidupannya bergantung pada industri balak dan jika anda tidak mempedulikan kehilangan pendapatan kerajaan yang kita gunakan untuk memberi subsidi dan membantu rakyat kami, khususnya yang miskin.

"Apa yang dilakukan oleh Utara bukan untuk memelihara hutan kami, tetapi membuat rakyat Malaysia membayar untuknya. Adakah ini sama rata?" tanyanya.

Perdana Menteri berkata, sepatutnya jika Malaysia tidak menebang pokok untuk kepentingan oksigen negara maju maka mereka harus membayar ganti rugi bagi kehilangan pendapatan itu.

Menurutnya, penebangan pokok dapat dikurangkan tanpa membuat Malaysia perlu menanggung kerugian sekiranya negara-negara maju membayar sekali ganda lagi harga untuknya.

Beliau berkata, satu lagi cara membantu menambah pendapatan Malaysia ialah dengan mengalihkan kilang-kilang memproses kayu balak dari negara maju ke sini memandangkan tidak banyak pendapatan diperolehi daripada eksport kayu balak mentah.

Dr. Mahathir berkata, negara-negara maju juga dapat menghidupkan semula hutan-hutan lamanya di Amerika dan Eropah yang ditebang untuk membuka ladang kerana ia mempunyai kepakaran teknologi seperti menghijaukan padang pasir di California untuk membina padang golf dan hotel mewah.

Beliau menambah negara-negara maju juga

dapat membantu negara-negara sedang membangun meraih ramuan untuk ubat-ubatan dari pokok-pokok di hutan tropika dengan berkongsi teknologi dan kepakaran yang ada padanya.

"Apakah negara-negara miskin diharap terus mengekalkan hutan mereka bagi kemudahan negara kaya mengeksploitasinya melalui pengetahuan sains?"

Perdana Menteri juga mempersoalkan tentang tindak-tanduk negara maju tidak menghulurkan sebarang bantuan untuk memadamkan kebakaran besar hutan di Indonesia tahun lalu sedangkan mereka mempunyai segala kepakaran hingga dapat memadamkan api yang menjulang tinggi di telaga minyak Kuwait.

"Tetapi mereka tidak berbuat apa-apa untuk menyelamatkan hutan yang mereka dakwa sangat mereka sayangi," katanya.

Katanya, memandangkan hakikat ini negara-negara sedang membangun tidak boleh dipersalahkan jika merasa bahawa kempen terhadap kayu tropika adalah kerana mereka berjaya bersaing dengan kayu hasil keluaran negara-negara maju.

Beliau kesal kerana apabila kempen itu tidak menarik perhatian, negara-negara maju bertindak menggunakan isu seperti suku kaum Penan di Sarawak.

Dr. Mahathir meminta mereka menghentikan perbuatan menggunakan isu Penan dan sebaliknya mempraktikkan sistem pasaran terbuka yang mereka sendiri laungkan.

Tegasnya: "Hentikan mengaitkan perdagangan dan bantuan kepada negara sedang membangun dengan isu alam sekitar. Hentikan perbuatan memulas tangan."

Menurutnya, negara-negara maju juga dapat memberi sumbangan kepada kesejahteraan alam sekitar dengan mengurangkan penggunaan minyak dan menghentikan penggunaan bahan nuklear untuk tenaga.

Perdana Menteri berkata, negara-negara sedang membangun sebaliknya tidak harus bercanggah pendirian bila bercakap tentang alam sekitar.

Katanya, negara-negara sedang membangun mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjamin keberkesanan kerjasama Selatan-Selatan dalam bidang alam sekitar dan pembangunan.